

SINAR HARIAN

DATE: 08/04/2008

Najib terharu dinamakan pengganti PM

Sinar Harian - 8/4/2008

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau menghargai kepercayaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menamakan beliau sebagai penggantinya untuk jawatan Perdana Menteri (PM).

"Saya berterima kasih dan terharu atas kepercayaan dan keyakinan Perdana Menteri kepada saya," kata Timbalan Perdana Menteri (TPM) kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ulang Tahun ke-30 Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur di sini, semalam.

Najib berkata, sebelum ini

pendirian PM itu telah dizahirkan secara tertutup kepada beliau dan beberapa anggota kerajaan, tetapi kelmarin merupakan kali pertama perkara itu dihebahkan Abdullah secara terbuka.

"Saya amat menghargai keyakinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya juga mengambil kira permintaan Perdana Menteri supaya saya terus memberi kerjasama kepada beliau sebagai Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, permintaan itu bertujuan memantapkan pentadbiran kerajaan untuk menghadapi cabaran masa

kini dan untuk melakukan perubahan seperti yang diharapkan PM.

Mengenai satu perkara lain, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, pemilihan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) untuk berkhidmat dengan kerabat diraja British bagi melaksanakan 'Tugas Awam London' merupakan pengiktirafan kepada pasukan yang telah berusia 75 tahun itu.

"Ini sebagai satu pengiktirafan kepada kewibawaan RAMD. Ini hasil lawatan panglima mereka (Ketua Turus Umum United Kingdom

Sir Richard Dannat) yang melakukan kunjungan hormat ke Malaysia dan beliau melihat kemampuan kita, jadi beliau mencadangkan kita diberi penghormatan," katanya.

Seramai 122 anggota RAMD daripada Pasukan Istiadat dipilih menjalankan tugas itu. Malaysia ialah negara anggota Komanwel keempat, selepas Kanada, Australia dan Jamaica, yang diberi penghormatan melaksanakan tugas itu.

Antara tugas yang menanti pasukan itu ialah mengawal kediaman rasmi Raja British, Istana Buckingham.



Sebahagian daripada kakitangan awam yang hadir pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri khusyuk mendengar taklimat daripada Najib, semalam.